

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JAN 2015

Laporan penuh MH17 pertengahan tahun

Dawos: Laporan penuh jawatankuasa siasatan bebas serangan terhadap pesawat MH17 yang mengorbankan 298 penumpang dan anak kapal, dijangka diperoleh pertengahan tahun ini.

Ia dimaklumkan oleh Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte kepada Datuk Seri Najib Razak pada pertemuan dua hala pemimpin itu sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF), kelmarin.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan rakan sejawatannya, rumusan dan dapatan daripada siasatan akan dimaklumkan kepadanya terlebih dulu sebelum diumumkan.

Dalam kejadian pada 17 Julai tahun lalu, pesawat itu dikatakan ditembak jatuh oleh jet pejuang tentera Ukraine, di Donetsk, timur negara itu ketika penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur.

Hubungan jadi rapat

Najib juga berkata, dalam pertemuan itu, Rutte mengakui hubungan dua hala Malaysia-Belanda semakin rapat berikutan tragedi itu.

Rutte juga mahu menjalin kerjasama dalam perdagangan sawit dan kayu kayan untuk dieksport ke negara berkenaan.



WR -MHBBW W IIII ** F AWMA N - M&A* MM :
Najib mengadakan pertemuan dua hala dengan Ahmet Davutoglu sempena WEF, di Davos kelmarin. [FOTO BERNAMA]

tt
Saya dimaklumkan rakan sejawatan, rumusan dan dapatan daripada siasatan akan dimaklum kepada saya terlebih dulu sebelum diumumkan"

Najib Razak,
Perdana Menteri

Mengenai pertemuan dengan Ketua Menteri Andhra Pradesh, Chandra Babu Naidu, behau berkata, negara itu mahu membuka peluang syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melaksanakan projek membangunkan ibu kota baharu negara itu.

Antaranya projek lebuh raya, perumahan dan inirastruktur lain. Ketika ini, syarikat infrastruktur Malaysia, IJM Corporation aktif membina projek perumahan.

Najib juga mengadakan per-

temuan dengan Perdana Menteri Turki, Ahmet Davutoglu yang antara lain berbincang mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) kedua-dua negara yang sudah ditandatangani.

Pelaksanaannya akan berkuat kuasa selepas mendapat pengesahan Parlimen negara itu.

Merekajuga berbincang mengenai pengukuhan kejasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, teknologi dan kelengkapan ketenteraan.